



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**6 November 2023
22 Rabiulakhir 1445H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|-------------------|--|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • |
| Kosmo ! | <ul style="list-style-type: none">• Persatuan nelayan diseru tambah pendapatan• Nelayan Vietnam rakus ceroboh perairan negara ditahan |
| Sinar Harian | • |
| The Star (Metro) | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| Harakah | • |
| Malaysiakini | • |
| Bernama | • |
| Borneo Post (KK) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|-------------------|----------------|-------------------|------------|-----------|
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | NEGATIF | NEUTRAL | 16 | 6/11/2023 |

Persatuan nelayan diseru tambah pendapatan

BUKIT GANTANG — Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyeru agar seluruh persatuan nelayan di negara ini terlibat dengan perniagaan perikanan bagi menaikkan taraf ekonomi ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di tempat masing-masing.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, usaha untuk menggerakkan pengeluaran produk perikanan oleh persatuan nelayan itu amat penting kerana dengan cara tersebut, secara tidak langsung membantu menambah pendapatan nelayan.

"Terdapat 105 persatuan nelayan kebangsaan meliputi negeri dan kawasan, namun hanya 30 peratus yang terlibat dalam pengeluaran produk hiliran.

"Kita mahu semua persatuan nelayan ini aktif terlibat dalam industri perikanan atau mengeluarkan produk-produk berasaskan perikanan dan tidak hanya terikat dengan operasi harian," katanya selepas merasmikan pembukaan semula Restoran Nelayan di Bangunan PNK Matang, di sini semalam.



MUHAMMAD FAIZ (tengah) melihat jualan harga Jimat Madani bagi ikan di bangunan PNK Matang semalam. — WAT KAMAL ABAS

Menurutnya, kerajaan sentiasa komited dalam usaha untuk menaikkan taraf kehidupan nelayan di negara ini.

"Pelbagai rancangan dan usaha dilakukan bagi membantu nelayan di negara ini termasuk meneruskan bantuan eluan sara hidup nelayan sebanyak RM300 sebulan.

"Seramai 35,000 nelayan menjadi penerima kepada bantuan tersebut dan di samping itu juga, hasil keputusan pada mesyuarat lembaga pengarah telah memu-

tuskan untuk memberi bantuan bakul makanan kepada nelayan yang terjejas akibat musim monsun," katanya.

Tambahnya, orang ramai tidak perlu bimbang tentang bekalan ikan ketika musim monsun kerana LKIM telah membuat persiapan sepenuhnya dalam menghadapi musim tersebut.

"LKIM telah membuat persefiaan awal dengan membeli sebanyak 200 tan metrik ikan yang didarangkan untuk disimpan di dalam peti sejuk beku bagi me-

mastikan bekalan ikan sentiasa mencukupi.

"Kami mempunyai simpanan ikan sebanyak 900 tan metrik, manakala rakan swasta juga turut menyimpan bekalan, menjadikan jumlah simpanan sejuk beku sebanyak 1,600 tan metrik," katanya.

Ujarnya, tiada keperluan buat masa ini untuk membina konten baru di Kampung Aceh.

Bagaimanapun pihaknya akan meneliti dan membuat kajian terperinci sama ada perlu atau tidak pembinaan peti sejuk beku di kawasan berkenaan.

"Kita akan melihat jumlah pendaratan ikan di kawasan itu, sekiranya pendaratannya tinggi dan keperluannya mendesak, maka kita akan bincangkan pembinaan tersebut kerana saya tidak mahu adanya projek gajah putih," katanya.

Muhammad Faiz berkata, permasalahan berkaitan kesukaran bagi mendapatkan lesen oleh pelapis keluarga nelayan turut diberi perhatian sewajarnya oleh pihak LKIM.

| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO ! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|-------------------|----------------|-------------------|------------|------------|
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | NEGATIF | NEUTRAL | 17 | 16/11/2023 |

Nelayan Vietnam rakus ceroboh perairan negara ditahan



KAPAL APMM menahan bot nelayan Vietnam yang disyaki menceroboh perairan negara di perairan Kuala Terengganu pada Jumaat lalu.

KUALA TERENGGANU - Keghairahan 21 nelayan Vietnam terus menceroboh perairan perairan negara sewaktu ketibaan Monsun Timur Laut (MTL) semakin hampir menerima padahapabila ditahan Maritim Malaysia (APMM) pada Jumaat lalu.

Mereka berumur antara 22 hingga 46 tahun yang menaiki dua bot berasingan berjaya dikemasukan sebelum dipintas sebuah kapal maritim APMM di antara puluk 8.30 pagi hingga 9 pagi.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulanuar, Abd Majid berkata, kedua-dua bot nelayan asing itu dikesan pada kedudukan

antara 155 dan 156 batu nautika dari perairan Kuala Terengganu.

"Sebuah kapal maritim APMM yang sedang mengadakan rondaan mengesan dua bot terbabit dalam keadaan mencurigakan.

"Tindakan pengawasan diambil setelah mereka disyaki terlibat dalam aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan negara," katanya di sini semalam.

Mohd Khairulanuar berkata, pemeriksaan mendapat kesemua 21 nelayan Vietnam terlibat tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan permit kerja yang sah.

Tambah beliau, dua bot ne-

layan asing itu juga tiada kebenaran untuk menangkap ikan di perairan negara daripada Jabatan Perikanan.

"APMM bertindak merampas hasil laut, bekalan minyak diesel, peralatan menangkap ikan dan bot yang keseluruhan diaangkan bernilai RM3 juta.

"Kesemua 21 suspek juga ditahan reman selama 14 hari bagi membantu siasatan mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1963," ujarnya.

Tambahnya, APMM akan terus meningkatkan pemantauan di perairan negara termasuk Terengganu walaupun MTL diraja berlaku tidak lama lagi.